

# B GARGLE SOLUTION 0.15% W/V

Benzydamine hydrochloride 0.15% w/v

## Apakah yang ada pada risalah ini:

- ◆ Apakah kegunaan B GARGLE Solution 0.15% w/v
- ◆ Bagaimana B GARGLE Solution 0.15% w/v berfungsi
- ◆ Sebelum menggunakan B GARGLE Solution 0.15% w/v
- ◆ Cara menggunakan B GARGLE Solution 0.15% w/v
- ◆ Semasa menggunakan B GARGLE Solution 0.15% w/v
- ◆ Kesan-kesan sampingan
- ◆ Cara penyimpanan dan pelupusan B GARGLE Solution 0.15% w/v
- ◆ Maklumat lanjut
- ◆ Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
- ◆ Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan B GARGLE Solution 0.15%w/v

B GARGLE diguna untuk melegakan kesakitan di bahagian mulut termasuk: tonsilitis, sakit kerongkong, mukositis radiasi, ulser aphthous, selepas orosurgical dan prosedur periodontal.

## Bagaimana B GARGLE Solution 0.15%w/v berfungsi

B GARGLE tergolong dalam kumpulan ubat bernama drug anti-radang bukan steroid atau NSAIDS. Ia berfungsi dengan memberhentikan kesakitan dan bengkak (radang).

## Sebelum menggunakan B GARGLE Solution 0.15%w/v

### Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna B GARGLE apabila anda mempunyai:

- alahan terhadap *benzydamine hydrochloride*
- alahan terhadap lain-lain bahan ramuan yang terkandung di dalam B GARGLE.

Jika anda tidak pasti samada perlu menggunakan B GARGLE, sila merujuk kepada doktor, doktor gigi atau ahli farmasi anda.

## Sebelum menggunakan B GARGLE Solution 0.15%w/v

Anda mesti memberitahu doktor jika :

- anda mempunyai alahan terhadap ubat yang pernah diguna oleh anda untuk merawat keadaan yang sama.
- anda mempunyai sakit phenylketonuria (kerana B GARGLE mengandungi *aspartame*).
- Anda sedang mengandung, cuba untuk mengandung atau sedang menyusu bayi. Tidak ada bukti tentang keselamatan *benzydamine hydrochloride* dalam pesakit mengandung. Nisbah risiko terhadap kebaikan patut dipertimbangkan sekiranya perlu diguna untuk golongan pesakit ini.

## Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor, doktor gigi atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain walaupun ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi.

## Cara menggunakan B GARGLE Solution 0.15%w/v

### Berapa banyak harus digunakan

Orang Dewasa: 15ml (lebih kurang satu sudu teh) dikumuh atau dibilas di dalam mulut untuk sekurang-kurangnya 30 saat setiap 1½ hingga 3 jam, seperti yang diperlu. Kanak-kanak: 5 – 15ml sebagai kumuhan sekiranya berupaya atau sebagai larutan bilasan mulut. Tidak digalakkan untuk kanak-kanak di bawah umur 6 tahun. Orang tua: Tiada dos khas disyorkan untuk pesakit tua. Guna dengan berhati-hati pada pesakit kerosakan fungsi renal atau hati.

### Bila perlu digunakan

Doktor atau ahli farmasi anda akan menentukan bila adalah sesuai untuk anda menggunakannya mengikut keadaan anda.

Secara amnya, diguna tanpa dicairkan tetapi sekiranya terdapat kerengsaan,

ia boleh dicairkan dengan air. Larutan perlu diludah keluar selepas diguna.

### Berapa lama perlu digunakan

Larutan ini tidak boleh diambil untuk lebih dari 7 hari kecuali diberitahu oleh doktor atau doktor gigi anda.

## Sekiranya anda TERLUPA UNTUK MENGAMBIL

- Sekiranya anda terlupa satu dos, ambil dos itu dengan segera sebaik saja teringat.
- Tetapi, sekiranya telah hampir masa untuk dos berikutnya, abaikan dos yang terlepas.
- Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang dilupa.

## Sekiranya anda mengambil berlebihan (terlebih dos)

Larutan ini tidak sepatutnya memberi apa-apa masalah kepada anda sekiranya anda dengan tidak sengaja terlebih ambil atau tertelan sebahagian ubat anda. Jika anda was-was, sila berhubung dengan doktor atau ahli farmasi anda.

## Semasa menggunakan B GARGLE Solution 0.15%w/v

### Perkara yang perlu dilakukan

Sila berhubung dengan doktor atau doktor gigi anda jika simptom-simptom anda bertambah buruk atau tidak baikpulih.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri B GARGLE Solution 0.15% w/v kepada orang lain walaupun mereka mempunyai simtom yang sama dengan anda. Doktor anda telah menetapkan ubat ini untuk merawat situasi anda.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

- Jangan telan larutan ini.
- Jangan guna di dalam atau berdekatan mata anda.

- Harus diguna dengan berhati-hati untuk pesakit yang mengalami kerosakan hati atau ginjal.
- Jika sakit kerongkong adalah berpunca daripada jangkitan kuman, rawatan anti-bakteria perlu diambil.

### **Kesan sampingan**

Kesan sampingan yang paling kerap dialami ialah kebebasan dalam bahagian mulut dan sesekali sensasi kepedihan dan kerengsaan. Kesan sampingan setempat yang lain dan jarang termasuklah kekeringan atau kehausan, perasaan panas dalam mulut dan gangguan deria rasa. Kesan sampingan sistemik yang sangat tidak biasa dan tidak serius adalah seperti rasa mual, muntah, “retching”, gangguan gastrointestinal, kepeningan, sakit kepala dan mengantuk. Reaksi hipersensitiviti berlaku dengan amat jarang tetapi mungkin dikaitkan dengan gatal, ruam, urtikaria, fotodermatitis dan sesekali “laryngospasm” atau “bronchospasm”. Sekiranya kesan-kesan sampingan bertambah serius atau anda mengalami kesan-kesan lain yang tidak tersenarai di dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda. Dapatkan nasihat doktor atau farmasi anda sekiranya anda was-was atau untuk maklumat lanjut. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers*→ *Reporting*)

### **Cara penyimpanan dan pelupusan B GARGLE Solution 0.15%w/v**

#### Cara penyimpanan

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada bungkusan. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Simpan di dalam bungkusan asal pada tempat yang kering.

Jangan simpan pada suhu melebihi 30°C.

Jauhi dari kanak-kanak.

#### Pelupusan

Kembalikan ubat yang anda tidak perlu kepada ahli farmasi anda.

### **Maklumat lanjut**

#### Rupa dan warna produk

B GARGLE Solution 0.15%w/v adalah larutan berwarna hijau dengan perisa limau nipis. Ia mengandungi 100ml larutan di dalam botol plastik gelap.

#### Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

*Benzylamine hydrochloride 0.15%w/v.*

Bahan-bahan kandungan lain:

*Propylene glycol, aspartame, potassium dihydrogen phosphate, dipotassium hydrogen phosphate, green FCF, lime flavour, methylparaben, propylparaben, purified water.*

**Nombor MAL**\_\_\_\_\_

### **Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

Malaysian Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 14, Lebuhraya Kampung Jawa,  
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang,  
Malaysia.

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

14/08/2015